

KIPP terima pelaburan RM70b jadi tulang belakang ekonomi

MAY 10 2002

Oleh ASUKI ABAS
WAN ZULKIFLI WAN YAACOB

KERTIH 9 Mei — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, Kompleks Industri Petroleum Petronas (KIPP) yang menerima pelaburan berjumlah hampir RM70 bilion telah menjadikan pusat industri minyak dan gas di Kertih ini sebagai tulang belakang ekonomi Malaysia.

Perdana Menteri berkata, pembangunan kompleks itu dilaksanakan dengan jayanya berlandaskan wawasan para pemimpin lalu yang mahu melihat negara ini mempunyai industri

petroleum dan petrokimia yang diusahakan oleh rakyat Malaysia sendiri.

“Hari ini kita boleh berbangga dengan kenyataan bahawa KIPP telah menjadi pusat saraf industri petroleum dan petrokimia di negara ini.

“Tidak salah juga sekiranya kita menyatakan bahawa KIPP di Kertih telah menjadi tulang belakang kepada ekonomi Semenanjung Malaysia,” katanya dalam ucapan perasmian KIPP di sini hari ini.

Menurut Perdana Menteri, kompleks itu merupakan hubungan strategik dengan kemudahan di luar pesisir yang mana

empat saluran paip gas sepanjang 150 kilometer hingga 200 kilometer memindahkan minyak dan gas ke darat sepanjang masa.

“Sebagai hasil pelaburan ini, lebih 70 peratus daripada tenaga elektrik Malaysia dijanakan oleh gas yang dihantar dari Kertih melalui sistem saluran paip merentasi negara ini.

“Kenyataan itu sahaja sudah cukup memberikan gambaran mengenai kepentingan strategik Kertih kepada negara,” katanya.

Dr. Mahathir berkata, hasil dasar kerajaan dan usaha Petronas untuk membangunkan Kertih sebagai pusat petroleum

dan petrokimia, Terengganu sekarang dikenali sebagai Kuwait Malaysia manakala Kertih sendiri sebagai Dallas atau Houston Malaysia.

Pembangunan pesat di sekitar Kertih, katanya, telah menyediakan peluang pekerjaan kepada anak negeri Terengganu serta rakyat Malaysia.

Menurut beliau, kegiatan limpahan pula telah menggiatkan aktiviti dalam bentuk kontrak perkhidmatan, perkhidmatan sokongan dan bekalan yang memberikan kerja kepada beribu-ribu pekerja lain.

“Saya berbangga kerana ra-

■ Lihat muka 4

KIPP terima pelaburan RM70b jadi tulang belakang ekonomi

mai rakyat kita yang bekerja bersebelahan dengan profesional asing dari syarikat-syarikat multinasional.

“Antara dua kuasa besar dunia dalam industri itu adalah Exxon-Mobil dan BP serta syarikat petrokimia terbesar dunia, Dow Chemicals yang menjalankan loji dengan teknologi terkini di sini,” ujarnya.

Menurut Perdana Menteri, pembangunan di Kertih tidak berlaku semalaman sebaliknya bermula sejak kerajaan menubuhkan Petronas pada tahun 1974 bagi melaksanakan perancangan jangka panjang serta memberikan nilai tambah kepada sumber minyak dan gas untuk kegunaan generasi akan datang.

“Para pemimpin kerajaan pada masa itu sedar bahawa kekayaan minyak yang baru ditemui boleh menjadi pelantar untuk menghasilkan pelbagai kegiatan ekonomi.

“Kita hari ini bangga untuk mengumumkan bahawa wawasan untuk membina negara melalui penguna-

an sumber minyak dan gas secara matang telah menjadi kenyataan (dan) Kertih merupakan bukti kukuh kepada wawasan yang menjadi kenyataan,” tegasnya.

Dr. Mahathir berkata, Kertih merupakan pusat bagi industri petroleum Malaysia selepas lebih 20 tahun melalui pengeluaran oleh 41 loji dan kemudahan petroleum dan petrokimia dengan pelaburan sehingga RM70 bilion.

Pelaburan

“Di luar pesisir Kertih, 66 pelantar mengepam minyak dan gas sepanjang masa (dan) pelaburan berbilion ringgit ini telah menjana faedah yang besar kepada negara dari segi ekonomi dan sosial.

“Pada tahun lalu sahaja, eksport bahan petroleum dan petrokimia dari Kertih berjumlah sehingga RM7.9 bilion,” kata Dr. Mahathir.

Perdana Menteri turut memuji sumbangan dan mengucapkan tahniah kepada Petronas atas kejayaan

membangunkan KIPP serta berjaya memasuki bidang yang dikuasai oleh gergasi industri minyak.

“Biasanya syarikat minyak kebangsaan di negara pengeluar minyak menghadkan kegiatan mereka kepada pungutan hasil perkongsian pengeluaran daripada keluaran minyak oleh syarikat asing, justeru itu mereka tidak dapat berkembang.

“Walaupun keluaran minyak dan gas di Malaysia tidak besar, Petronas telah berjaya mengembangkan sayapnya sehingga beroperasi di 27 buah negara asing.

“Di negara-negara berkenaan, Petronas mencari gali minyak, mengeluarkannya, membangunkan sistem paip beribu batu, memasar secara pukal atau runcit, menapis dan membangun industri petrokimia serta mengadakan khidmat kebajikan,” kata Perdana Menteri.